

MEDIA STATEMENT

For immediate release

IDEAS Calls for Government Action to Strengthen Financial Governance in Light of Auditor General's Report Findings

KUALA LUMPUR, 11 March 2024: In light of the recently released Auditor General's Report revealing substantial financial losses in federal agency subsidiaries, IDEAS strongly urges the government to streamline its operations by closing redundant and cost-inefficient subsidiaries that compete with small businesses. The report highlights alarming figures, indicating losses of almost RM2 billion in 2022 alone, from subsidiaries under five federal agencies despite recording the highest investment at RM54.574 billion. The Federal Land Development Authority (FELDA), for example, incurred losses of RM1 billion, emphasising the urgent need for a comprehensive review and consolidation of government agencies and subsidiaries to ensure efficiency and prevent unnecessary financial setbacks.

IDEAS is particularly concerned about FELDA and PR1MA's sustainability. "Without significant restructuring, escalating losses and reliance on bailouts present a long-term burden to the government and ultimately, the taxpayers," said Alissa Rode, Senior Manager of IDEAS. IDEAS emphasises accountability for mismanagement, proposing that agencies facing repeated issues in key audit areas be closely monitored by Parliament and through the Auditor General's Dashboard, providing transparency to the public.

Notably, IDEAS discourages continued federal government bailouts and guarantees as a solution, citing their fiscal unsustainability and negative impact on the government's credit ratings. Instead, IDEAS emphasises the need for stronger oversight from both the executive and legislative branches to ensure good governance and fiscal responsibility in agencies and their subsidiaries.

"IDEAS calls for the government to actively manage fiscal risks from subsidiaries and consolidate irrelevant or high-risk activities that detract from the agencies' actual policy objectives. Agencies should stop venturing into unnecessary market activities which are better undertaken by the private sector," said Alissa.

IDEAS recommends that the government provide additional clarity on steps they will undertake to improve the professionalism of the boards and hold them more accountable for the agencies' performance.

Parliamentary Special Select Committees (PSSCs) should also be given an active role to monitor specific Ministries and the agencies under them. In fact, the PSSCs should be given a mandate to summon the board members of these agencies. "Parliament should also receive a mitigation plan from these agencies which are at risk of defaulting on government guarantees, as required by Section 24 of the Public Finance and Fiscal Responsibility Act (PFFRA)," Alissa noted. The PFFRA has been in effect from 1 January 2024.

IDEAS also wishes to highlight the consistently low compliance in producing timely financial statements by auditees, posing a significant risk to the government's understanding of statutory bodies' financial positions and the associated risks. The report highlighted that only 11 out of 134 agencies have submitted audited financial statements to Parliament, and four federal agencies await audit. By law, Parliament should receive audited accounts within six months of the financial year end for statutory bodies. Alissa Rode stated, "these instances of mismanagement raise an urgent need to enhance financial compliance, timely reporting, and increased professionalism of boards to ensure better management and efficiency in state enterprises".

— END —

For enquiries, please contact:

Ryan Panicker
Assistant Manager, Advocacy and Events
ryannesh@ideas.org.my

About IDEAS

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia's first independent think tank, free of personal interests and partisan influences.

For more information,
visit www.ideas.org.my

KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

IDEAS Seru Kerajaan Perkukuh Tadbir Urus Kewangan Berikutan Laporan Ketua Audit Negara

KUALA LUMPUR, 11 Mac 2024: IDEAS mendesak kerajaan untuk menyelaraskan operasi dengan menutup anak syarikat yang berlebihan dan tidak cekap dalam menguruskan kos yang bersaing dengan perniagaan kecil, berikutan Laporan Ketua Audit Negara yang baru dikeluarkan mendedahkan kerugian kewangan besar dalam anak syarikat agensi persekutuan. Laporan tersebut menggariskan angka yang membimbangkan, anak syarikat di bawah lima agensi persekutuan pada tahun 2022 menunjukkan kerugian hampir RM2 bilion walaupun mencatatkan pelaburan tertinggi sebanyak RM54.574 bilion. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), sebagai contoh, mengalami kerugian sebanyak RM1 bilion, menekankan keperluan mendesak untuk meninjau semula secara menyeluruh dan menggabungkan semula agensi dan anak syarikat kerajaan untuk memastikan kecekapan dan mengelakkan kemunduran kewangan yang tidak perlu.

IDEAS khususnya bimbang akan kelestarian FELDA dan PR1MA. “Tanpa penyusunan semula yang signifikan, peningkatan kerugian dan kebergantungan kepada bantuan kewangan akan menjadi beban jangka panjang kepada kerajaan dan pada akhirnya, pembayar cukai,” kata Alissa Rode, Pengurus Kanan IDEAS. IDEAS menekankan pertanggungjawaban terhadap salah urus, mencadangkan bahawa agensi yang menghadapi isu berulang dalam bidang audit utama dipantau rapat oleh Parlimen dan melalui Papan Susulan Laporan Ketua Audit Negara yang telus kepada orang awam.

IDEAS tidak bersetuju bantuan kewangan dan jaminan kerajaan persekutuan yang berterusan sebagai penyelesaian masalah kerana ketidaklestarian kewangan dan kesan negatif terhadap penarafan kredit kerajaan. Sebaliknya, IDEAS menekankan keperluan pengawasan yang lebih ketat daripada kedua-dua cawangan eksekutif dan legislatif untuk memastikan tadbir urus yang baik dan tanggungjawab kewangan dalam agensi kerajaan dan anak syarikat mereka.

“IDEAS menyeru kerajaan untuk mengurus secara aktif risiko kewangan daripada anak syarikat dan menggabungkan aktiviti tidak relevan atau berisiko tinggi yang menyimpang daripada objektif dasar sebenar agensi. Agensi harus berhenti menjalankan aktiviti pasaran tidak berkeperluan yang lebih baik dilakukan oleh sektor swasta,” kata Alissa.

IDEAS mencadangkan agar kerajaan memberikan kejelasan tambahan mengenai langkah-langkah yang akan diambil untuk meningkatkan profesionalisme lembaga pengarah dan menjadikan mereka lebih bertanggungjawab terhadap prestasi agensi. Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (JKPK) juga harus diberikan peranan aktif untuk memantau kementerian-kementerian tertentu dan agensi-agensi di bawah mereka. Malah, JKPK seharusnya diberikan kuasa untuk memanggil ahli lembaga pengarah agensi-agensi ini. “Parlimen juga sepatutnya menerima pelan pengurangan risiko daripada agensi-agensi yang berisiko gagal membayar jaminan kerajaan, seperti yang diperlukan oleh Seksyen 24 Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal (PFFRA),” ulas Alissa. PFFRA telah berkuatkuasa mulai 1 Januari 2024.

IDEAS juga ingin menekankan kepatuhan yang rendah secara konsisten dalam menghasilkan penyata kewangan tepat pada masanya oleh pihak yang diaudit, mendedahkan risiko yang signifikan kepada pemahaman kerajaan tentang kedudukan kewangan badan berkanun dan risiko yang berkaitan. Laporan tersebut menekankan bahawa hanya 11 daripada 134 agensi yang telah mengemukakan penyata kewangan yang diaudit kepada Parlimen, dan empat agensi persekutuan menunggu untuk diaudit. Menurut undang-undang, Parlimen sepatutnya menerima laporan akaun yang diaudit dalam tempoh enam bulan selepas akhir tahun kewangan untuk badan-badan berkanun. Alissa Rode menyatakan, “kes salah urus sebegini menimbulkan keperluan yang mendesak untuk meningkatkan pematuhan kewangan, pelaporan tepat pada masanya, dan peningkatan profesionalisme lembaga pengarah untuk memastikan pengurusan dan kecekapan yang lebih baik dalam perusahaan negara”.

— TAMAT—

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Ryan Panicker - Penolong Pengurus

ryannesh@ideas.org.my

Tentang IDEAS

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bukan berasaskan keuntungan, mengkhususkan kepada mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam, menumpukan kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang berdaya saing, memastikan keyakinan dalam institusi, dan mempromosikan sebuah negara Malaysia yang merangkumi semua. IDEAS merupakan badan pemikir bebas pertama Malaysia, tanpa kepentingan peribadi serta pengaruh berpihak.

Untuk maklumat lanjut, lawati www.ideas.org.my.